

WOMEN'S INVOLVEMENT IN A NATION'S LEADERSHIP FROM ISLAMIC LAW PERSPECTIVE

PENGLIBATAN WANITA DALAM POSISI KEPIMPINAN NEGARA DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

Nizaita Omarⁱ, Zulkifly Mudaⁱⁱ, Junaidah Abdul Rahmanⁱⁱⁱ & Salsabila Abdullah^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). nizaitaomar@unisza.edu.my

ⁱⁱ Mantan Mufti Kerajaan Negeri Terengganu. zulmuda66@gmail.com

ⁱⁱⁱ Guru Bahasa, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). junaidahrahman@unisza.edu.my

^{iv} Graduan Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). salsabilaabdullah@gmail.com

Abstract	<p><i>A nation's true leadership must be led by those who are honest and responsible, be it men or women. But today's reality shows that the involvement of women in a nation's leadership is still way far behind. This is evident from the involvement of women in politics and policy making is still below 30 percent. It is disappointing to know that one of the reasons behind this is due to the assumption on Islam's permission for women to participate in leadership. Thus, this study is initiated to explore on women's dimension on leadership from the lawful perspective of Islam. The study employs the use of qualitative method which is content analysis and the primer sources that are referred to are al-Quran, hadith and religious books from different schools of thoughts. The findings indicate that Islamic law allows the similar fair share between men and women, including in the aspect of leadership. However, it comes with certain guidelines in ensuring the dignity of women. It is hoped that this paper will initiate more scholarly studies to be done on contemporary jurisprudence issues related to women's leadership.</i></p> <p>Keywords: <i>Women, Leader, Islamic Law, Dignity, Responsible.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kepimpinan berwibawa bagi sesebuah negara perlulah diterajui oleh mereka yang beramanah dan bertanggungjawab dalam sesebuah masyarakat baik dalam kalangan lelaki mahupun wanita. Namun realiti hari ini, keterlibatan dalam tampuk kepimpinan negara masih lagi ketinggalan. Ini terbukti apabila ketetapan yang dibuat iaitu 30 peratus penglibatan wanita dalam pembuat dasar negara terutama dalam politik masih belum dicapai. Amat mendukacitakan apabila didapati bahawa antara faktor kurangnya wanita diberi hak untuk ke hadapan dalam kepimpinan negara adalah disandarkan kepada kehendak ajaran Islam. Justeru kajian ini mengupas secara tuntas dan ilmiah berkaitan dimensi keterlibatan wanita dalam kepimpinan dari perspektif perundangan Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan. Sumber primer yang digunakan adalah merujuk kepada sumber al-Quran, hadith, kitab-kitab turath dan muktabar daripada pelbagai mazhab. Dapatan kajian mendapati perundangan Islam memberikan hak kesaksamaan dan keadilan antara lelaki mahupun wanita</i></p>

kebenaran untuk wanita berkecimpung dalam arena kepimpinan negara dibenarkan dalam perundangan Islam berasaskan dimensi, syarat dan garis panduan yang ditetapkan demi menjaga kemuliaan diri seorang wanita. Kertas kerja ini diharap menjadi pendorong untuk para sarjana memperkayakan khazanah fiqh kontemporari bagi merungkai isu kepimpinan wanita yang menjadi topik perbahasan umat Islam hari ini.

Kata kunci: *Wanita, Kepimpinan, Perundangan Islam, Kemuliaan, Bertanggungjawab.*

PENDAHULUAN

Kepimpinan berwibawa merupakan elemen asasi sebagai peneraju kecemerlangan sesebuah negara dan bangsa. Imej dan identiti negara mahupun bangsa akan tergugat dek kerana rosak atau lemahnya kepimpinan. Kepimpinan berwibawa mesti diterajui oleh mereka yang beramanah dan bertanggungjawab dalam sesebuah masyarakat. Namun, perlu diingat bahawa kepimpinan bukan sekadar perjanjian antara pemimpin dengan masyarakat, tetapi ia juga merupakan ikatan perjanjian antara pemimpin dengan Allah SWT yang menuntut seorang pemimpin dikehendaki mementingkan keadilan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Allah SWT menciptakan manusia dalam kalangan lelaki dan wanita adalah untuk saling melengkapi antara satu sama lain. Menurut ajaran Islam, semua manusia sama ada lelaki atau wanita tidak dibezakan dari segi darjat dan kedudukan melainkan nilai ketaqwaannya di sisi Allah SWT. Dalam perundangan Islam, wanita diberikan layanan yang baik berbanding dengan perundangan ciptaan manusia. Penghormatan yang tinggi buat wanita turut dibicarakan secara khusus dalam nas syariat sama ada al-Quran mahupun hadis. Bahkan sejarah Islam telah melakarkan peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh wirawati Islam dalam membangunkan tamadun manusia berteraskan manhaj rabbani.

SOROTAN KAJIAN

Di Malaysia, wanita tidak diberikan kebebasan yang sepenuhnya untuk bergiat aktif dalam pelbagai bidang pada zaman sebelum kemerdekaan. Mereka telah diabaikan dalam sistem pemerintahan negara mahupun kekeluargaan selain dipaksa melakukan kerja-kerja buruh di kilang, kebun getah dan sawah padi pada sekitar tahun 1914 – 1945 ketika perang dunia pertama dan perang dunia kedua (Khairunnisa, 2013).

Selain itu, ada juga di antara mereka yang hanya duduk di rumah menjadi suri rumah sepenuhnya dan hanya berkhidmat untuk si suami semata-mata. Malahan, wanita sebelum kemerdekaan tidak mendapat peluang pendidikan dengan sempurna. Pengabaian ke atas golongan wanita dilihat apabila mereka tidak berpeluang untuk menuntut ilmu pengetahuan serta pengabaian dalam hak untuk menjadi pemimpin dan hak untuk bersuara. Hal ini bermula sejak tahun 1920an dan 1930an di mana masyarakat Melayu beranggapan bahawa golongan wanita tidak perlu mendapatkan pendidikan yang sempurna kerana mereka hanya berkait dengan aspek rumah tangga sahaja (Che Abdullah, 2009).

Penglibatan wanita dalam sosial mula terserlah ketika Malaysia berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Pada ketika ini golongan wanita mula berkecimpung dalam politik bagi memperjuangkan hak wanita walaupun penglibatan mereka tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari kalangan masyarakat. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, golongan wanita mula mendapat peluang yang lebih luas untuk bergiat aktif dalam bidang politik.

Hal ini dapat dilihat apabila Pilihan Raya Umum pertama yang diadakan pada tahun 1959 menerusi kemenangan kerusi parlimen Jitra dan Padang Terap yang diwakili oleh Ibu Zain dan Fatimah Hashim (Khairunnisa, 2013). Malah, penglibatan wanita di peringkat tertinggi dengan pelantikan Datin Paduka Aishah Gani (1923–2013) sebagai

perwakilan wanita Malaysia pertama ke Majlis Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Suhailiza, 2018). Selain itu, Tan Sri Fatimah Hashim (1924 – 2010) telah dilantik menyandang jawatan Menteri Kesejahteraan Am Malaysia dari 20 Mei 1969 sehingga 28 Februari 1973 atas komitmen tinggi beliau memperjuangkan hak pendidikan di Malaysia (Muhammad Rahimi, 2017).

Melihat kepada statistik penglibatan wanita dalam pendidikan pula bagi tahun 2019, bermula dari pendidikan di peringkat rendah, menengah sehinggalah ke peringkat tertuari, golongan wanita telah mendahului golongan lelaki. Bagi pendidikan di peringkat rendah, kadar enrolmen kasar wanita adalah sebanyak 98.2% manakala lelaki adalah sebanyak 97.6%. Kadar enrolmen kasar di peringkat menengah pula, wanita adalah sebanyak 94.2% berbanding lelaki adalah sebanyak 89.2 %.

Manakala di peringkat tertuari, kadar enrolmen kasar bagi wanita adalah 50.35% berbanding lelaki 37.8% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Statistik ini telah menunjukkan kewajaran untuk wanita berganding bahu bersama golongan lelaki dalam menerajui kepimpinan negara berasaskan latar belakang akademik yang ampuh. Wanita yang memiliki pelbagai ilmu pengetahuan dan berkemahiran luas berpeluang untuk menceburkan diri dalam pelbagai bidang kerjaya termasuk pentadbiran dan politik (Saodah, 2010). Negara perlulah memanfaatkan golongan ini demi kesejahteraan negara dengan kelebihan mereka dari sudut penyertaan dalam bidang pendidikan yang sangat memberansangkan.

Adapun berdasarkan statistik penglibatan wanita dalam bidang politik bagi tahun 2019 yang diperolehi daripada penerbitan Statistik Pemerksaan Wanita oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), golongan wanita menguasai 14.4 % kerusi di parlimen. Manakala dalam jawatan menteri pula, peratus penglibatan wanita lebih rendah daripada lelaki iaitu dengan penglibatan sebanyak 17.9 % manakala penglibatan lelaki adalah sebanyak 82.1 % dengan jurang perbezaan sebanyak 67.4 %. Walaupun jurang perbezaan yang sangat besar dalam kalangan lelaki dan wanita, namun sumbangan kepimpinan mereka dalam pemerintah negara turut terserlah. Mereka berperanan menyuarakan pandangan serta libatsama dalam menggubal dasar dan sebagai pembuat keputusan (Jawiah, 2007).

Konklusinya, penglibatan wanita di Malaysia dalam kepimpinan negara bukan sahaja mendapat pengiktirafan dalam negara, bahkan mereka telah berjaya menunjukkan kewibawaan dan mengangkat imej negara yang membanggakan di mata dunia. Mereka telah memainkan peranan yang sangat besar dalam pelbagai kegiatan masyarakat dan berupaya menggalas tugas dan tanggungjawab kemasyarakatan, kepimpinan dan pentadbiran. Malahan, dalam bidang perundangan mereka turut diberi hak untuk menjadi hakim, peguam dan pendakwa seiring dengan penglibatan golongan lelaki dalam perundangan. Keupayaan ini adalah kerana mereka mempunyai semangat yang kental untuk memikul tanggungjawab tersebut demi memastikan kelangsungan dan kelestarian pembangunan negara.

Justeru, penulisan ini mensasarkan untuk mengenal pasti secara tuntas pandangan perundangan Islam terhadap penglibatan wanita dalam arena kepimpinan negara menerusi posisi atau jawatan yang disandang. Kedudukan wanita yang diberikan mandat dengan posisi atau jawatan khusus dalam kepimpinan sering menjadi perbincangan dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Secara spesifiknya, reka bentuk penyelidikan yang dipilih menjurus kepada kajian dokumentasi. Data kualitatif yang dipilih lebih berfokus kepada dalil-dalil yang menjadi sumber perundangan Islam, istinbat hukum yang dikeluarkan oleh para ulama dan penghujahan fatwa yang dikemukakan oleh institusi keagamaan berkaitan isu yang dikaji.

Oleh itu, kaedah asas yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis dokumen menerusi *metode content analysis* iaitu penelitian terhadap sumber bertulis berautoriti

berkenaan isu yang dikaji. Penelitian terhadap 'data sekunder tempatan' turut dilakukan dengan merujuk kepada data yang diperoleh daripada kajian-kajian penyelidikan tempatan sama ada kajian lepas atau semasa.

DAPATAN KAJIAN

Kepimpinan wanita dalam pembangunan ummah menerusi aspek kemasyarakatan, ekonomi, pentadbiran, pendidikan dan lainnya sememangnya diiktiraf oleh perundangan Islam. Bahkan, hak wanita sebagai anggota masyarakat mendapat jaminan sepenuhnya dalam perundangan Islam. Islam secara jelas memberikan hak kesaksamaan kepada lelaki dan perempuan seiring dengan peranan masing-masing yang saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini telah menunjukkan bahawa Islam tidak meletakkan sebarang had ke atas wanita dalam meningkatkan kedudukan moral mereka di sisi agama (Mohd. Roslan, 2011).

Penglibatan golongan wanita dalam bidang pentadbiran mahupun politik pada zaman Rasulullah S.A.W turut terserlah dalam lipatan sejarah walaupun sekadar berperanan di sebalik tabir (Sharifah Hayaati, 2002). Apa yang dapat dipastikan adalah penglibatan wanita dalam kepemimpinan ummah ini adalah berdasarkan petunjuk nabi dan sirah Rasulullah S.A.W sendiri selain berpaut teguh dengan petunjuk daripada Al Quran. Melalui panduan kedua-dua sumber ajaran Islam ini, gambaran kehidupan wanita kemudiannya diaplikasikan menerusi kegiatan sosial mereka atas nama dakwah dan syiar Islam (Kamarul Azmi, 2008). Namun, apa yang ingin diketengahkan di sini adalah pandangan syarak terhadap kepemimpinan wanita yang memiliki posisi atau jawatan khusus dalam sesebuah organisasi atau pemerintahan negara.

Dalam membincangkan keterlibatan wanita dalam arena politik secara khusus, maka terdapat dua bidang kuasa utama politik yang dibincangkan oleh ahli sains politik dan ahli fiqh iaitu bidang kuasa khas (*Wilayah Khassah*) dan bidang kuasa umum (*Wilayah 'Ammah*). Selain dua bidang kuasa ini, sebahagian ulama meletakkan satu lagi bidang kuasa iaitu *al-Wilayah al-Udzama al-Kubro* (bidangkuasa tertinggi). Ketiga-tiga bidang kuasa ini dapat dirumuskan sebagaimana dalam Jadual 1.

Bentuk	Huraian	Contoh Jawatan	Sandaran/Sumber
<i>Wilayah Khassah</i>	bidang kuasa yang khusus atau yang dengan naluri seorang wanita melibatkan jawatan politik berskala kecil	Ketua Pergerakan Wanita, Menteri Hal Ehwal Wanita, wakil rakyat, hakim dalam kes-kes keluarga dan takzir	Sharifah Hayaati, 2002; Nur Syakirah et.al, 2004
<i>Wilayah 'Ammah</i>	bidang kuasa bersifat umum, kuasa kerja yang lebih luas dan pembuat keputusan di peringkat lebih tinggi dan memiliki kuasa politik tertinggi	Khalifah, Perdana Menteri, hakim dalam kes berat seperti <i>qisas</i> dan <i>hudud</i> , ketua angkatan tentera, menteri	Al-Mawardi, 1973; Sharifah Hayaati, 2002; Nur Syakirah et.al, 2004
<i>al-Wilayah al-Udzama al-Kubro</i>	bidangkuasa yang tertinggi di antara <i>wilayah 'ammah</i> dan <i>wilayah khassah</i> .	Seorang pemimpin atau khalifah yang merangkumi seluruh negara Islam di seluruh dunia	Yusof Qhardawi, al Tantawi dan Ali Jum'ah (ulama kontemporari)
	kekuasaan dan pemimpinnya	Khalifah Islam yang disebut sebagai <i>al-</i>	Abror, 2020

Imamah al-Udzma (tidak wujud ketika ini)

Jadual 1: Bidang Kuasa Politik

Menerusi pembahagian bidang kuasa ini, maka para ulama berbeza pandangan dan masing-masing mempunyai dalil serta hujah yang tersendiri sebagai menyokong hukum yang dipegang. Maka hukum penglibatan wanita ini tidak lari daripada pandangan yang membenarkan dan pandangan yang tidak membenarkan. Perbincangan ulama bukan sahaja berpandukan kepada dalil Al-Quran dan As-Sunnah secara umum, tetapi juga melihat kepada keperluan semasa bagi sesuatu masyarakat tersebut. Maka tidak hairanlah jika ada dalam kalangan ulama sangat berhati-hati dalam penentuan hukum ini manakala sebahagian yang lain dilihat lebih ringan dan terbuka dalam penetapan hukum ini.

Pandangan Ulama yang Tidak Membenarkan

Terdapat sebahagian ulama yang tidak membenarkan memegang posisi atau jawatan dalam sesebuah organisasi atau kerajaan seperti al-Mawardi, Imam Hassan al-Banna, Muhammad Al al-Barr, Abdul Aziz Baz, Abdullah Ibrahim al-Jarullah, Muhammad al-Sayyid Muhammad al-Za'balawi dan lainnya (Nur Tasnim, 2018). Pandangan mereka adalah berasaskan dalil dan hujah yang dikemukakan sebagaimana berikut:

i. Merujuk kepada ayat ke 33 dari surah al-Ahzab yang bermaksud: *“dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, hai ahlul bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.”*

Berdasarkan ayat ini, mereka mentafsirkan bahawa ayat ini adalah ayat larangan terhadap wanita untuk keluar dari rumah, kecuali bagi perkara-perkara yang penting sahaja. Menurut Mohammad Ali al-Bar, wanita bertanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dalam hal menguruskan rumah tangga (Mohammad Ali al-Bar, 1984). Maka, wanita dikehendaki sentiasa kekal di rumah dan tidak keluar kecuali jika terdapatnya keperluan di samping hal ini dituntut terhadap wanita adalah bagi mengelakkan berlakunya fitnah (Mohd. Roslan et.al, 2012).

ii. Berdasarkan dalil ayat al-Quran dari surah al-Nisa' ayat 34 yang bermaksud: *“Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang solehah, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tiada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka)....”*

Ayat di atas merupakan dalil utama bagi penghujahan mereka terhadap penolakan atau larangan ke atas wanita untuk melibatkan diri dalam dunia politik (Al-Banna, 1972). Ahli *Fiqh Salaf* serta Imam empat mazhab berpendapat bahawa jawan *Al-Imam* atau pemimpin mestilah daripada golongan lelaki dan tidak boleh dipegang oleh kaum wanita. Sekalipun jawatan yang disandang bukanlah melibatkan pada kedudukan tertinggi dalam kepimpinan seperti ketua negara, namun sifat kepimpinan tersebut cukup sinonim bagi kaum lelaki seperti yang disebutkan dalam ayat di atas (Mohd. Roslan et.al, 2012).

Ibn Kathir dalam mentafsirkan ayat di atas menyebutkan bahawa ayat ini dengan kata lain meletakkan lelaki adalah pengurus bagi wanita iaitu sebagai pemimpinnya, ketuanya, mengusainya serta mendidiknya jika tersasar. Hal ini kerana kaum lelaki adalah lebih afdhal daripada kaum wanita dan kerana inilah kenabian hanyalah khusus buat kaum lelaki. Begitu juga dalam urusan kepimpinan seperti raja (Ibn Kathir, 2004). Perkara yang sama turut diulas oleh Abdul Aziz Baz (1999) dengan tidak membenarkan

kepimpinan wanita berkaitan hal umat berdasarkan surah an-Nisa ayat 34 ini yang sudah menetapkan kepimpinan bagi wanita hanyalah dalam skop kecil iaitu institusi kekeluargaan manakala kepimpinan selebihnya merupakan hak kaum lelaki.

iii. Bersandarkan surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud:
"Bagi kaum lelaki mempunyai kelebihan satu darjat ke atas kaum wanita."

Dalam mengupas ayat di atas, Imam al-Haramyn al-Juwayni ada menyebutkan bahawa wanita itu tidak terlibat dalam pemilihan serta perantikan seorang pemimpin, mereka hanya dirujuk sahaja. Ayat ini menunjukkan bahawa lelaki mempunyai lebih keistimewaan daripada wanita. Keistimewaan yang di maksudkan di sini ialah darjat dari sudut kepimpinan dan kepatuhan. Berdasarkan pernyataan ini, sebahagian besar golongan fuqaha serta institusi hukum berpendapat bahawa wanita tidak harus dicalonkan dalam pilihan raya atau menjadi wakil rakyat kerana jawatan tersebut khusus buat golongan lelaki sahaja (As Siba'i, 1966).

iv. Merujuk kepada ayat al-Quran daripada surah al-Zukhruf ayat 18 yang bermaksud:
"Dan apakah patut (menjadi anak Allah) orang yang dibesarkan dalam keadaan berperhiasan sedang dia tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertengkaran".

Ayat ini merupakan jawapan daripada Allah terhadap pengakuan orang musyrik yang menjadikan anak perempuan itu bagi Allah manakala anak lelaki itu bagi mereka bersama dengan penjelasan bahawa sifat yang ada pada wanita tidak manyamai sifat-sifat yang ada pada lelaki. Ibnu Kathir menyebut dalam tafsirnya bahawa wanita itu bersifat dengan kekurangan, maka mereka memakai perhiasan sejak kecil untuk menyempurnakan kekurangan tersebut, dan mereka lemah sertatidak mampu mengawal perasaan apabilaberdebat atau bergaduh (Ibn Kathir, 2004).

Begitulah fitrah semulajadi yang telah Allah jadikan ke atas seorang wanita. Berdasarkan ayat ini juga, Allah telah menyifatkan golongan wanita sebagai lemah dalam mendepani hujah pihak lawan serta tidak mampu mengawal emosi mereka. Hal ini sebenarnya adalah menafikan penyertaan serta penglibatan mereka dalam jawatan sebagai ahli parlimen atau wakil rakyat berdasarkan dalil dan ahujah pandangan yang tidak membenarkan (Zulqarnain & Mohamad, 2008).

v. Berhujah dengan al-hadith Rasulullah S.A.W, antaranya: Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:
"Suatu kaum itu tidak akan bahagia apabila mereka menyerahkan kepemimpinan mereka kepada wanita". (Hadis. al-Bukhariyy: 7099)

Selain itu, mereka turut berhujah dengan hadis yang lain bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda, maksudnya:
"Aku tidak melihat mereka yang kekurangan akal dan agama yang lebih menguasai pemilik akal". (Hadis. Abi Daud: 4656)

Berdasarkan hadis ini, Rasulullah S.A.W telah menyifatkan golongan wanita sebagai golongan yang kurang akal dan agama sedangkan jawatan-jawatan seperti ahli parlimen atau wakil rakyat memerlukan kepada kesempurnaan akal fikiran dan agama. Oleh itu, sekiranya masih wujud golongan lelaki yang lebih sempurna akal fikiran dan agamanya, maka tidak harus bagi golongan wanita untuk menyandang jawatan tersebut (Zulqarnain & Mohamad, 2008).

vi. Mengambil iktibar dari seerah yang menggambarkan bahawa tidak wujudnya penglibatan wanita pada zaman sahabat dalam bidang *Wilayah 'Ammah* (Zulqarnain & Mohamad, 2008). Antaranya:

- a. Melalui peristiwa pelantikan Abu Bakar as-Siddiq r.a sebagai khalifah di Saqifah Bani Sa'idah, tidak ada seorangpun wanita yang terlibat. Tidak ada penglibatan Fatimah binti Muhammad Rasulullah S.A.W mahupun para *Ummahat al-Mu'minin* atau para sahabat yang lain. Sekiranya ada, sudah tentu riwayat tersebut sampai kepada kita.
- b. Melalui peristiwa riddah, Abu Bakar al-Siddiq r.a telah meminta para sahabat memberikan pandangan dalam hal tersebut. Namun tidak ada mana-mana riwayat yang menyebutkan tentang penglibatan wanita dalam kalangan sahabat semasa peristiwa tersebut.
- c. Peristiwa pelantikan pengganti khalifah selepas tragedi Umar al-Khatib r.a ditikam. Terdapat enam orang ahli syura telah dilantik untuk menggantikan beliau, namun tidak wujudnya ahli dalam kalangan wanita dan Umar sendiri tidak meminta pandangan daripada wanita.

Sebahagian ulama melihat hikmah larangan ini kepada bentuk tugas kenegaran seperti ini adalah sangat berat bagi lelaki malahan bagi wanita yang memiliki fizikal yang lebih lemah berbanding lelaki. Larang ini adalah bertepatan dengan fitrah semulajadi seorang wanita (Abdullah bin Ibrahim al-Jarullah, 1996). Begitulah juga dengan jawatan dan kedudukan seumpama ini sememangnya tidak dinafikan akan berlakunya percampuran antara lelaki dan wanita serta aktiviti-aktiviti lawatan tanpa ada mahram bagi mereka (Abdul Qadir, 2011).

Pandangan Ulama yang Membenarkan

Terdapat sebahagian ulama yang membenarkan wanita bekerja dengan memegang jawatan rasmi seperti Ibn Hazm, al-Tabari, a-Uthaimin, Hassan al-Turabi, Muhammad Yusuf Musa, Mustafa Ahmad al-Zarqa', Yusuf al-Qaradawi dan lainnya (Nur Tasnim et al., 2018). Pandangan mereka adalah berasaskan dalil dan hujah yang dikemukakan sebagaimana berikut:

- i. Bersandarkan firman Allah SWT dalam surah al-Imran ayat 195 yang bermaksud: *"Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman): Sesungguhnya Aku tidak menyalahkan amal orang-orang yang beriman di antara kamu, baik lelaki atau perempuan, (kerana) sebahagian kamu adalah turunan dari sebahagian yang lain. Maka orang-orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halamannya, yang disakiti pada jalanKu, yang berperang dan yang dibunuh, pastilah akan kuhapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan pastilah aku masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya, sebagai pahala di sisi Allah. Dan Allah pada sisiNya pahala yang baik".*

Berdasarkan zahir ayat di atas, para ulama berhujah bahawa penglibatan wanita dalam kerjaya serta berjihad di jalan Allah bersesuaian dengan tugas yang Allah berikan kepada manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini tidak dihalang oleh Islam Wanita layak menyandang apa jua posisi selain sebagai Ketua Negara atau Khalifah (Ibn Hazm, 1970). Namun begitu, walaupun wanita diberikan kebebasan untuk keluar dari rumah, ini bukanlah satu alasan yang menyebabkan mereka akan melakukan perkara yang menjatuhkan aib dan maruah diri bagi seorang wanita (Ibn Kathir, 2004).

- ii. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 12 yang bermaksud: *"Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan*

menderhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Berdasarkan ayat di atas, Islam sangat menjunjung tinggi prinsip keadilan di mana Islam mengutamakan kesamarataan hak-hak dan kewajiban-kewajiban ke atas kaum lelaki dan kaum wanita mengikut kepada kesesuaian tanggungjawab masing-masing. Maka, tidak wujudnya situasi yang membawa keuntungan kepada lelaki dan kerugian buat wanita. Maka, wanita telah diberikan hak untuk bekerjaya termasuk dalam kepimpinan politik sebagai mencerminkan bahawa mereka bermartabat, terhormat dan mulia di sisi Islam (Marzuki & Suharno, 2008).

iii. Berpegang kepada dalil al-Quran yang bersifat umum iaitu ayat ke 13 daripada surah al-Hujurat yang bermaksud:

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

Ayat daripada surah al-Hujarat ini membawa maksud yang jelas berhubung persamaan di antara hamba Allah SWT dari jenis lelaki dan wanita. Tidak wujudnya perbezaan status dalam dua penciptaan ini kerana penciptaannya adalah daripada asal yang sama. Justeru, ayat ini memperlihatkan kewajaran wanita untuk bekerjaya atas konsep kesamaan yang dijelaskan.

iv. Berasaskan ayat 71 daripada surah al-Tawbah yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

Ayat ini secara umumnya memberi gambaran tentang kewajiban ke atas lelaki mahupun wanita untuk melakukan pekerjaan dalam pelbagai bidang kehidupan yang disebut dengan kalimat menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah perkara yang munkar. Ayat ini juga turut menjelaskan bahawa golongan wanita juga mempunyai hak dan kewajiban yang sama seperti golongan lelaki dalam kehidupan ini (Mhd. Abror, 2020).

Berdasarkan firman Allah tersebut, wanita berhak berkecimpung dalam masyarakat termasuk dalam bidang politik dan urusan kenegaraan. Wanita pada hari ini sebenarnya perlu turut memikirkan urusan kepimpinan dan kenegaraan serta menyertainya dan melaksanakannya. Hal ini kerana, urusan atau usaha yang ada kaitannya dengan kemakmuran rakyat dan kesejahteraan negara adalah hak dan tanggungjawab setiap insan tidak kiralah golongan lelaki mahupun golongan wanita (Moenawwar, 1969). Berdasarkan dalil ini, ulama seperti at-Tabari dan Muhammad Yusuf Musa membenarkan ke atas wanita untuk menyandang jawatan sebagai wakil rakyat seperti menteri.

v. Merujuk kepada firman Allah SWT dalam surah al-Syura ayat 38 yang bermaksud: *“Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan solat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarat antara mereka”*

Ayat di atas difahami bahawa hak untuk bersuara dan mengeluarkan pendapat adalah diberikan Islam kepada semua baik dalam kalangan lelaki mahupun

wanita. Segala hukum dan taklifan yang terdapat dalam al-Quran selagi mana tidak khusus atau mengikat dengan ciri-ciri kejadian lelaki atau wanita, makaianya jatuh kepada semua umat tidak kiralah lelaki atau wanita. Walaupun wanita dilihat tidak terlibat secara langsung dalam politik pada zaman Rasulullah, namun mereka telah berhijrah bersama baginda dan golongan lelaki ke Habsyah dan Madinah serta melakukan bai'ah bersama nabi.

Selain itu, mereka turut ikut berperanan dalam urusan negara yang mengamalkan sistem khalifah serta turut bersama menghadapi kezaliman salah seorang penguasa. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengiktirafkan kesamarataan di antara lelaki dan wanita. Begitu juga dengan hak-hak lainnya yang diberikan kepada golongan wanita seperti yang disebutkan dalam al-Quran sememangnya tidak diabaikan (Marzuki & Suharno, 2008).

vi. Berasaskan firman Allah SWT dalam surah al-Naml ayat 33 yang bermaksud: *"Mereka menjawab: "Kita adalah orang-orang yang memiliki kekuatan dan (juga) memiliki keberanian yang sangat (dalam peperangan), dan keputusan berada ditanganmu: maka pertimbangkanlah apa yang akan kamu perintahkan".*

Ayat ini adalah merujuk kepada pemerintahan tertinggi Kerajaan Saba' oleh seorang wanita iaitu Ratu Balqis sebagai hujah bahawa pemerintahan oleh golongan wanita sememangnya wujud dalam Islam. Menurut Dr. Muhammad Sayid Thantawi, Syeikh al-Azhar dan Mufti Besar Mesir, kepimpinan dalam jabatan apapun adalah tidak bertentangan dengan syarak keatas golongan wanita. Tidak kiralah jawatan tertinggi seperti ketua negara atau jawatan lain yang lebih rendah. Perkara ini ditegaskan oleh beliau dalam fatwanya bahawa:

"(Wanita yang menduduki posisi jabatan ketua negara tidaklah bertentangan dengan syariah kerana Al-Quran memuji wanita yang menduduki posisi ini dalam sejumlah ayat tentang Ratu Balqis dari Saba. Dan bahawasanya apabila hal itu bertentangan dengan syariah, maka nescaya Al-Quran akan menjelaskan hal tersebut dalam kisah ini. Adapun tentang sabda Nabi bahwa "Suatu kaum tidak akan berjaya apabila diperintah oleh wanita" Tantawi berkata: bahwa hadis ini khusus untuk peristiwa tertentu iaitu kerajaan Farsi dan Nabi tidak menyebutnya secara umum. Oleh karena itu, maka wanita boleh menduduki jabatan sebagai ketua negara, hakim, menteri, duta besar, dan menjadi anggota lembaga legislatif. Hanya saja perempuan tidak boleh menduduki jabatan Syeikh Al-Azhar kerana jabatan ini khusus bagi lelaki sahaja kerana ia berkewajipan menjadi imam solat yang secara syariah tidak boleh bagi wanita".

vii. Bidasan terhadap hujah yang digunapakai oleh ulama yang tidak membenarkan sebagaimana berikut:

a. Merujuk kepada ayat ke 33 dari surah al-Ahzab yang bermaksud: *"dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu"*

Sebahagian ulama tidak bersetuju dengan hujah bahawa larangan untuk wanita keluar rumah kerana ayat tersebut dilihat sebagai khusus buat para isteri Nabi Muhammad S.A.W. Mereka berhujah bahawa walaupun wanita disuruh untuk tidak mempamerkan kecantikan mereka di luar rumah buat tatapan orang ramai, ini bukan bererti mereka diminta untuk terus kekal tinggal di dalam rumah dan membataskan diri sepanjang masa. Walau bagaimanapun ulama yang berhujah melarang wanita keluar dari rumah turut membenarkannya jika terdapat keperluan penting.

Maka, keluarnya wanita untuk bekerja boleh diletakkan sebagai urusan penting bagi tujuan membantu ekonomi keluarga, menyumbang kepada pembangunan

sosial, ekonomi, politik dan lainnya. Hal ini dikuatkan dengan firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat ke 30 yang bermaksud:

"Katakanlah kepada orang lelaki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya. Yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat".

Ayat ini menerangkan dengan jelas bahawa lelaki dikehendaki menundukkan padangan mereka serta menjaga kesopanan ketika berada di luar (bergaul dengan wanita). Maka secara tidak langsung ini bermaksud bahawa dibenarkan ke atas wanita untuk berkhidmat kepada masyarakat (Mohd. Roslan et.al, 2012).

b. Berdasarkan dalil ayat al-Quran dari surah an-Nisa' ayat 34 yang bermaksud: *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita)....."*

Sebahagian ulama meneliti dan mendapati bahawa ayat *Qawwamah* daripada surah an-Nisa' tersebut hanyalah merangkumi aspek rumahtangga. Menurut al-Qardhawi, ayat ini tiada kaitan langsung dengan hak wanita dalam dunia politik. Hal ini kerana, ayat tersebut membicarakan mengenai rumahtangga dan hal kekeluargaan dan hujah ini disokong oleh al-Halim Abu Syuqqah. Golongan yang tidak membenarkan berhujah pula bahawa penglibatan wanita di luar rumah dikhuatiri akan menyebabkan mereka lalai dan mula mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu sekaligus akan memberi kesan yang tidak baik pada rumahtangga. Dan hujah ini pula di balas bahawa penglibatan dalam dunia luar oleh kaum wanita adalah tidak menjadi masalah sekiranya mereka mampu menunaikan tanggungjawab tersebut dengan baik di samping mendapat bantuan dari suami juga (Mohd. Roslan et.al, 2012).

c. Bersandarkan surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud:

"Bagi kaum lelaki mempunyai kelebihan satu darjat ke atas kaum wanita."

Walaupun ayat tersebut menjelaskan bahawa kaum lelaki mempunyai darjat yang lebih tinggi berbanding kaum perempuan, namun kelebihan darjat yang dimiliki oleh mereka bukanlah darjat dalam bentuk keutamaan dan keunggulan. Darjat yang dimaksudkan adalah dalam kepimpinan iaitu kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita dalam urusan kekeluargaan. Sekiranya kelebihan darjat bagi kaum lelaki dalam ayat ini ditafsirkan sebagai sebahagian larang untuk wanita bekerjaya, maka berlakunya pertembungan dengan apa yang disebut dalam surah al-Tawbah ayat 71 yang telah disebutkan sebelum ini iaitu kaum lelaki dan wanita yang saling memenuhi sesama mereka.

Ulasan dan Resolusi Hukum

Dalam hal kepemimpinan, tiada dalil khusus atau arahan wahyu secara mutlak yang mengikat kelayakan menyandang jawatan hanya diberi kepada lelaki sahaja. Justeru, ia membuka ruang kepada para ulama untuk berijtihad dan mengistinbat hukum berasaskan nas yang ada. Maka lahirlah perbezaan pandangan dalam kalangan ulama antara yang melarang dan membenarkan mengambil kira pelbagai aspek dan dimensi termasuk situasi setempat, perubahan zaman, bentuk penglibatan dan tahap atau peringkat jawatan yang disandang.

Hasil perbincangan berhubungan pandangan para ulama terhadap keterlibatan wanita dalam kepimpinan yang telah diutarakan, beberapa resolusi diketengahkan dengan mengambil kira beberapa asas penting berikut:

Pemilihan Hukum Berasaskan *Fiqh Waqf*

Melihat kepada realiti hari ini, sumbangan wanita terhadap negara adakalanya melebihi kaum lelaki. Tahap pendidikan dan penguasaan kepakaran wanita dalam pelbagai bidang

keperluan negara hari ini tidak dapat disangkal lagi. Kelebihan dan keupayaan yang mereka miliki dalam urusan kemasyarakatan, pentadbiran negara serta politik, maka kebenaran untuk wanita terlibat secara langsung dalam kepimpinan organisasi bahkan negara adalah disandarkan kepada *fiqh waqi'*.

Apa yang perlu dilihat dalam kerangka ini ialah setiap kepimpinan itu perlu dilandaskan dengan keadilan agar segala tindakan yang dihasilkan mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah SWT (al-Uthaimin, 2005). Senario ini perlu kepada penelitian terhadap hadith serta sunnah *fi'liyah* Rasulullah S.A.W dengan menghalusi keadaan serta kemampuan wanita pada zaman Baginda yang cenderung tidak melibatkan diri dalam pemerintahan negara.

Perubahan pandangan yang dibawa oleh sebahagian ulama kontemporari ini telah memberi gambaran bahawa isu penglibatan wanita dalam dunia pemerintahan dan politik adalah berkait rapat dengan perubahan fatwa atas beberapa faktor seperti perubahan masa, tempat dan keadaan. Perkara ini adalah berdasarkan kepada prinsip bagi perkara adat dan muamalat yang asalnya adalah harus. Oleh itu, penglibatan wanita dalam dunia pentadbiran dan politik adalah dibenarkan melihat kepada kemampuan serta kelayakan yang dimiliki oleh mereka.

Malah al-Qhardawi menukilkan dalam *bukunya Min Fiqh al Daulah* kebenaran untuk wanita terlibat dalam semua jawatan kepimpinan negara termasuklah jawatan Perdana Menteri dengan syarat-syarat tertentu. Pendapat ini berdasarkan sistem kepimpinan hari ini yang tidak lagi berasaskan sistem khalifah (al- Qaradawi, 1996).

Namun pun begitu, keharusan yang dibenarkan bukanlah bersifat keharusan yang mutlak. Hal ini kerana, tidak semua jawatan kepimpinan atau politik itu sesuai untuk disandang oleh golongan wanita kerana terdapatnya kekangan yang sukar dielakkan seperti ketidakmampuan golongan wanita, jawatan tersebut khusus untuk lelaki seperti memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi, tahap emosi yang kental dan lainnya demi menjaga fitrah bagi wanita itu sendiri (Hafeezi, 2012).

Penetapan Hukum Menyangkal Tohmahan Musuh

Penetapan hukum yang membenarkan wanita berkecimpung dalam arena kepimpinan organisasi atau kerajaan hakikatnya menjadi ruang bagi menyangkal dan menolak aliran konservatif yang mendakwa bahawa tempat wanita dalam Islam hanyalah di rumah, bertanggungjawab dalam urusan keluarga semata-mata sehingga ke tahap mengharamkan golongan wanita untuk menjalankan sebahagian aktiviti di luar rumah. Kedudukan wanita yang dilihat berada pada kelas kedua adalah sangat bertentangan dengan Islam. Kedatangan Islam telah menjamin dan membela hak golongan wanita dan Islam menyangjung tinggi kedudukan wanita sebagai insan, anggota masyarakat, ibu, isteri dan anak (Nizaita, 2006).

Keadilan dan kesaksamaan terhadap wanita terbukti apabila Islam meletakkan hukum dengan memberikan kebenaran untuk wanita libatsama sebagai pemimpin bergandingan dengan kaum lelaki. Isu ketidakadilan terhadap wanita seperti pemberian upah yang berbeza, dinafikan dalam membuat keputusan dalam keluarga dan stereotaip dengan meletakkan label yang negatif ke atas wanita adalah jelas melanggar ketetapan hukum Islam. Tidak adil jika wanita itu dilihat dari sudut kelemahannya sehingga memadamkan kelebihan yang mereka miliki, malahan kelemahan yang ada merupakan suatu yang menjadi kekuatan dan keistimewaan ke atas penciptaan mereka (Sri Warjiyati, 2016).

Hakikatnya, Islam memberikan gambaran yang jelas terhadap kedudukan wanita dalam membangunkan ummah dan menyebarkan syiar Islam dan diiktiraf sepenuhnya dengan penetapan hukum yang mengharuskan mereka bersama menerajui kepimpinan negara.

Keterikatan Pelaksanaan Hukum kepada Kepatuhan Syarak

Keharusan golongan wanita dalam kepimpinan bukanlah difahami sebagai keharusan yang mutlak. Keharusan ini juga bukanlah sebagai pendorong ke atas mereka untuk sewenang-wenangnya maju ke hadapan sehingga mengundang perkara yang tidak baik yang dapat merosakkan imej wanita muslimah di mata dunia. Hukum keharusan yang disebutkan oleh para ulama kontemporari diikat dengan garis panduan atau syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam yang perlu dipatuhi oleh kaum wanita yang ingin melibatkan diri dalam kepimpinan. Berikut antara syarat-syarat tersebut:

- i. Menjaga kehormatan diri dengan menjaga tingkahlaku dan mengelakkan perkara yang boleh menimbulkan fitnah (Muhammad Rusli, 2016; Mohd. Roslan et.al, 2012).
- ii. Mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang diceburi, berkelayakan dan berkemampuan dalam memimpin (Mhd. Abror, 2020).
- iii. Menjaga identiti kewanitaanya sebagai anak, isteri atau ibu dengan tidak mengabaikan tanggungjawabnya di rumah (Nur Syakirah et.al, 2004).
- iv. Berpenampilan sopan dengan tidak mendedahkan aurat dan tidak berlebihan dalam berhias iaitu *tabarruj* (Mohd. Roslan et.al, 2016).

PENUTUP

Penciptaan wanita di samping lelaki diiktiraf oleh Islam sebagai gandingan yang saling melengkapi dalam menerajui sesebuah pentadbiran dan pemerintahan. Walau bagaimanapun, penglibatan wanita berkerjaya dan berjawatan dalam organisasi diperbahaskan oleh para ulama sama ada ia dilarang atau diharuskan. Perselisihan ulama dalam isu ini memperlihatkan kehalusan mereka dalam merungkai isu kewanitaan bagi memastikan kemuliaan wanita dipelihara.

Perselisihan pandangan antara ulama juga perlu dilihat sebagai satu rahmat untuk ummah kerana keanjalan hukum fiqh adalah diperlukan dalam berinteraksi dengan perubahan zaman dan kedudukan lokasi yang berbeza. Tegasnya, keharusan yang diberikan oleh Islam untuk libatsama wanita dalam kepimpinan dan pemerintahan menjadi lambang keadilan dan kesaksamaan Islam tanpa mengira gender. Namun, garis panduan patuh syarak diwujudkan bagi memandu pemimpin wanita untuk sentiasa mendahulukan agama dalam setiap tindakan dan amanah tugas yang dipikul.

RUJUKAN

- Abdul Qadir Muhammad Mansur. 2011. *Fiqh Wanita Muslimah Menurut al-Quran & as Sunnah*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Al- Bar, Muhammad 'Aliyy. 1984. *'Amal Al-Mar'ah Fī Nizam Al-Saūdiyyah*. t.t: t.p.
- 'Abd Al-'Aziz bin 'Abdullah bin Baz. 1999. *Majmu' Fatāwā Wa Maqālat Mutanawwi'ah Riyad*. Dār al-Qasam. No fatwa: 30461.
- Al-Banna, Hassan. 1972. *Al-Mar'ah al-Muslimah*. Kaherah: Al-Taba'ah Al-Ula.
- Al-Jarullah, 'Abdullah bin Ibrahim. 1996. *Kewajipan Wanita Islam*, terj. Mohd Sofwan Amrullah. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Al-Mawardiyy, 'Ali bin Muhammad. 1973. *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Walayāt Al-Diniyyah*. Kaherah: Mustafa Al-Babiyy Al-Halabiyy.
- Al-Uthaymin, Shaykh Muhammad bin Salih. 2005. *Sharah Riyad Al-Salihin*. Riyad: Dar Al-Watan Li Al-Nashr.
- Ibn Hazm. 1970. *Al-Muhalla*. Kaherah: Matba'ah Al-Jumhuriyyah.
- Jawiah Dakir. 2007. *Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- K.H. Moenawwar Chali. 1969. *Nilai Wanita*. Semarang Indonesia: CV Ramadhani.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd. Ismail Mustari & Azhar Muhammad. 2008. *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Khairunnisa Ahmad Hamidi. 2013. *Politik Gender: Perbandingan Peranan Wanita Dan Proses Politik Di Malaysia-Jepun: Halangan dan Prospek*. Faculty Art and Social Sciences University of Malaya.
- Mohd. Roslan Mohd. Nor. 2011. Salah Faham Tentang Kedudukan Wanita Muslim dalam *Wanita Islam: Isu-Isu dan Pemerkasaan Hak*. Persatuan Ulama Malaysia, Shah Alam, pp. 1-15. ISBN 978-983-2306-09-2.
- Muhammad Rahimi Hasan dan Bahiyah Abdul Hamid. 2017. *Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim*. Bangi: Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim, Universiti Kebangsaan .
- Musthafa As-Siba'i. 1966. *Wanita di antara Hukum Islam dan Perundangan-undangan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Saadah Abd. Rahman. 2010. *Wanita & Cabaran Zaman*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawiyy. 1996. *Min Fiqh Al-Dawlah*. Kaherah: Dar Al-Shuruq.
- Zulqarnain Hassan & Mohamad Zaidi Abdul Rahman. 2008. *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya: Suatu Perbahasan dari Sudut Siyasah Syar'iyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jurnal

- Marzuki & Suharno. 2008. *Keterlibatan Perempuan dalam Bidang Politik Pada Masa Nabi Muhammad S.A.W dan Masa Khulafaur Rasyidin (Suatau Kajian Historis)*. Jurnal Penelitian Humaniora, Jld. 13, h. 77 – 94. Yogyakarta State University.
- Mhd. Abror. 2020. *Kepimpinan Wanita Perspektif Hukum Islam*. Jurnal Syariah dan Hukum. Jld. 2, h. 53 – 63. STAIN Abdrrahman Kepulauan Riau.
- Nur Tasnim Ismail, Bharuddin Che Pa & Mohd. Zaidi Abdul Rahman. 2018. *Kerjaya Wanita di Peringkat Tertinggi Negara menurut Perspektif al-Quran dan Hadis*. Journal of Hadith Studies, 3(2) 12-21.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2002. *Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dari Perspektif, Siyasah Syar'iyah*. Jurnal Syariah, Jld. 10, h. 109 – 122. Universiti Malaya.
- Suhailiza Md. Hamdani. 2018. *Kepimpinan dan Sumbangan Wanita Islam dalam Politik Semasa*. Jurnal Hikmah, Jld. 12, h. 172 – 190.

Tesis

- Muhammad Rusli. 2016. *Wanita Karir Perspektif Hukum Islam (Studi Kasus di Kecamatan Rappocini Kota Makassar)*. Tesis Sarjana. Bidang Hukum Syariah Universiti Islam Negeri Alauddin Makssar.

Persidangan

- Mohd Roslan Mohd Noor & Siti Zafrina Mohd Zahari. 2012. *Wanita Dan Politik Pilihan Raya Menurut Perspektif Al-Quran*. Dalam The 2nd Annual International Qur'anic Conference: Centre of Quranic Research.

Prosiding

- Nur Syakirah Ajmal Binti Ismail, Md Zawawi Abu Bakar & Asmah Bee Binti Mohd Nor. 2004. *Melantik Wanita Sebagai Hakim di Mahkamah Syariah: Kajian di Negeri Kedah*. Kertas kerja dalam International Seminar on Islamic Thoughts. Disember 7-9. Proceedings. Department of Theology and Philosophy Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia.

Internet

- Jabatan Perangkaan Malaysia.
<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TGNkajjYb2ZwZVNua96eXVn>. (Diakses pada 10 Jun 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.